
	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	





ABPM/SPB/01

MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU

DISEDIAKAN OLEH : PKPJB MD ALI BIN ISMAIL	TARIKH : 15 MAC 2021	TANDATANGAN : 
DILULUSKAN OLEH : TPJB DATO' HJ. SOIMAN BIN JAHID	TARIKH : 15 MAC 2021	TANDATANGAN : 



Tarikh: 15 MAC 2022	No Keluaran : 03
---------------------	------------------

SALINAN TERKAWAL

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

REKOD PINDAAN

	KELUARAN /PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN/ MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1	02	15-03-2021	Keseluruhan dokumen SPB	Merujuk kepada teguruan audit pertama oleh pihak SIRIM
2	03	15-03-2022	Perkara 5.2 dan Lampiran 2A	Dibuat pindaan berdasarkan Laporan audit pemantauan Sirim dan penambahbaikan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015. Pindaan dibuat setelah Bengkel Maklumbalas diatas diadakan pada 10.3.2022 dan 23.3.2022 di ABPM Wilayah Tengah

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

BAHAGIAN 1 – PENGENALAN



1.1 Manual Pengurusan Bersepadu ini adalah berasaskan kepada keperluan MS ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018. Manual ini mengandungi Dasar Kualiti dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (OH&S), Objektif Kualiti dan Objektif Keselamatan dan Kesihatan dan Pekerjaan, Penerangan ringkas mengenai Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) dan Prinsip-prinsip Asas Pemberian Latihan Kebombaan oleh Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) dan untuk memandu ke arah memenuhi kehendak Standard MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 45001:2018. SPB ini diperlengkapkan lagi dengan Dokuman Prosedur Kualiti, Prosedur Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Arahan Kerja dan Dokumen Sokongan yang berkaitan dengannya seperti Format, Borang, Pekeliling, Akta, Ordinan dan lain-lain.

1.2 TUJUAN MANUAL INI ADALAH UNTUK:

- a. Menerangkan mengenai organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- b. Menjelaskan secara ringkas mengenai skop dan keperluan dalam melaksanakan ISO 9001 dan ISO 45001 di ABPM; dan
- c. Menggariskan dasar dan prinsip-prinsip asas bagi aktiviti perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan keperluan ISO 9001 dan ISO 45001.

1.3 MANUAL INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) BAHAGIAN MELIPUTI PERKARA-PERKARA BERIKUT:

Bahagian 1	- Pengenalan
Bahagian 2	- Maklumat Organisasi
Bahagian 3	- Strategi Perlaksanaan SPB ABPM
Bahagian 4	-Konteks Dalam Organisasi (Context Of The Organization)
Bahagian 5	- Kepimpinan (Leadership)
Bahagian 6	- Perancangan (Planning)
Bahagian 7	- Sokongan (Support)
Bahagian 8	- Pengoperasian (Operation)
Bahagian 9	- Penilaian Prestasi (Performance Evaluation)
Bahagian 10	- Penambahbaikan (Improvement)

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

1.4 SENARAI SINGKATAN

ABPM : Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

JBPM : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

KPKT : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

MS : Malaysia Standard

OH&S: Occupational Safety and Health



SPB : Sistem Pengurusan Bersepadu

DOE : Department of Environment (Jabatan Alam Sekitar)

DOSH : Department of Safety and Health (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)

MOHR : Ministry of Human Resource (Kementerian Sumber Manusia)

PBT : Pihak Berkuasa Tempatan

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT ORGANISASI



2.1 SEJARAH / LATARBELAKANG ORGANISASI.

Pusat Latihan Bomba yang pertama dibina pada tahun 1957 di Gombak, Selangor dengan nama Sekolah Latihan Bomba *Malayan Union*. Komandan yang pertama ketika itu ialah Lt. Col. Watkins dimana 'Fire Services Inspectorate Panels' adalah merupakan sebagai pentadbir sekolah latihan tersebut dan berfungsi sebagai badan untuk memberi latihan kebombaannya kepada anggota bomba dan Jabatan Bomba Negeri, Pasukan Tentera dan Penjawat Awam. Pada tahun 1976 semua Jabatan Bomba di peringkat negeri-negeri telah disatukan di bawah pentadbiran persekutuan, sehinggalah kepada penyatuan Sabah dan Sarawak pada tahun 1981. Selaras dengan penstrukturan baru jabatan yang diluluskan pada tahun 2008, semua Akademi dan Pusat Latihan Wilayah telah dinaiktaraf bermula pada tahun 2009. Kini, semua institusi latihan kebombaannya dikenali sebagai Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ia merangkumi lima wilayah iaitu ABPM Wilayah Tengah, ABPM Wilayah Timur, ABPM Wilayah Utara, ABPM Wilayah Sabah dan ABPM Wilayah Sarawak.

2.2 FUNGSI JABATAN

Fungsi jabatan yang telah ditetapkan mengikut Seksyen 5 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) termasuk:

- a. Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.
- b. Melindungi nyawa dan harta benda sekiranya berlaku kebakaran.
- c. Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraannya dan pengawalseliaannya yang sempurna.
- d. Apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan atau diarahkan oleh Menteri supaya dilaksanakan.
- e. Menentukan adanya jalan keluar yang mencukupi dari semua premis yang ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran.
- f. Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal keadaan kebakaran.
- g. Melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlaku kebakaran.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

2.3 FUNGSI AKADEMI

Fungsi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia merangkumi perkara seperti berikut;

- i. Memberikan khidmat latihan melalui kursus mandatori, kursus semasa/funtional dan kursus suntikan;
- ii. Memberikan khidmat latihan melalui kursus, bengkel dan seminar;
- iii. Mengeluarkan sijil-sijil kursus, bengkel dan seminar;
- iv. Mengendalikan peperiksaan kursus yang mana berkaitan; dan
- v. Memberi khidmat kursus keselamatan kebakaran kepada Jabatan Kerajaan, NGO dan Swasta.



2.4 STRUKTUR ORGANISASI

2.4.1 Struktur Organisasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

2.4.1.1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempunyai 10 Bahagian sebagai program utama jabatan, 1 Unit dan 16 Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri-negeri. (Sila rujuk Carta 1).

2.4.1.2 JBPM diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) yang bertanggungjawab kepada Bahagian-bahagian:


- a. Pejabat Ketua Pengarah (secara langsung)
 - Bahagian Pengurusan Korporat
 - Bahagian Pengurusan
 - Unit Integriti
- b. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
 - Bahagian Keselamatan Kebakaran
 - Bahagian Penyiasatan Kebakaran
 - Bahagian Udara
- c. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
 - Bahagian Latihan
 - Bahagian Pembangunan
 - Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
 - Bahagian Kejuruteraan Jentera

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	


2.4.2 Struktur Organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

- 2.4.2.1 Setiap akademi diketuai oleh komandan-komandan dan dibantu oleh Ketua-ketua Pengajian, Cawangan dan Unit. (Sila rujuk Carta 2 hingga 6). Akademi-akademi adalah seperti berikut :
- a. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor
 - b. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu
 - c. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara, Tronoh, Perak.
 - d. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak
 - e. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah


Carta 1 : Struktur Organisasi Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia




Carta 2 : Struktur Organisasi Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor




Carta 3 : Struktur Organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu




Carta 4 : Struktur Organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara Tronoh, Perak




Carta 5 : Struktur Organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sabah




Carta 6 : Struktur Organisasi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sarawak





CARTA ORGANISASI INDUK SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU ABPM



CARTA ORGANISASI SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU ABPM WILAYAH



**NOTA: Ketua pengajian, Ketua Cawangan dan ketua Unit adalah tertakluk kepada ABPM Wilayah masing-masing.*

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

2.5 PIHAK BERKEPENTINGAN

Pihak berkepentingan bagi ABPM ialah:



- 2.5.1 Kakitangan ABPM
- 2.5.2 Stakeholder – Kementerian KPKT / JBPM
- 2.5.3 Pengurusan ABPM
- 2.5.4 Penyedia Perkhidmatan Luar (Kontraktor dan Pembekal
- 2.5.5 Pihak Berkuasa (DOSH, DOE, MOHR, PBT, Jabatan Farmasi, Racun)
- 2.5.6 Masyarakat dan Orang Awam
- 2.5.7 Agensi-agensi kerajaan, swasta dan institusi pendidikan
- 2.5.8 Pesaing (institusi kebombaanan negara lain)
- 2.5.9 Pengajar dalaman dan luar
- 2.5.10 Pemain Industri

BAHAGIAN 3 – STRATEGI PELAKSANAAN SISTEM SPB ABPM

3.1 SKOP PELAKSANAAN

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) melaksanakan SBP bagi proses Pemberian Latihan Kebombaanan berasaskan keperluan piawaian MS ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018. Perkhidmatan Latihan Kebombaanan adalah berasaskan kepada fungsi utama organisasi ABPM iaitu latihan kebombaanan kepada pegawai Bomba. Sistem SPB ini dilaksanakan di:

- 3.1.1 Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor
- 3.1.2 Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai Terengganu
- 3.1.3 Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara, Tronoh, Perak

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

3.1.4 Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah

3.1.5 Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak

3.2 VISI

Organisasi latihan kebombaam dan penyelamatan berprestasi tinggi dan bertaraf dunia.

3.3 MISI

Memberikan perkhidmatan latihan kebombaam dan penyelamatan kepada Pegawai Bomba berdasarkan kepada pangkat dan jawatan yang disandang.

3.4 STRATEGI



- 3.4.1 Mewujudkan tanda-aras (*bench-marking*) keunggulan melalui kualiti dan inovasi
- 3.4.2 Mencapai keunggulan dan kecemerlangan kakitangan melalui pengetahuan dan kemahiran (*multi-skills*) secara holistik (menyeluruh).
- 3.4.3 Membentuk tadbir urus yang dinamik dan profesional.
- 3.4.4 Menyediakan sumber yang mencukupi dan relevan.
- 3.4.5 Mewujudkan tanda-aras (*bench-marking*) keunggulan melalui aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja, pelanggan dan orang yang berkepentingan
- 3.4.6 Mencapai keunggulan dan kecemerlangan dalam memastikan keselamatan pekerja dan orang berkepentingan selamat semasa berada dalam akademi

3.5 PENERANGAN MENGENAI SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB).

3.5.1 ABPM menjalankan perkhidmatan latihan kebombaam melalui aktiviti dengan keterangan seperti berikut :

Bil.	Proses Utama	Prosedur
1.	Perkhidmatan Latihan Kebombaam	i. Pelaksanaan Kursus ii. Persijilan iii. Pelaksanaan Peperiksaan

3.5.2 ABPM telah menetapkan sasaran iaitu '**Sebuah Organisasi Latihan Kebombaam Berprestasi Tinggi dan Bertaraf Dunia**'. Seiring dengan Perkhidmatan Latihan Kebombaam, ABPM telah mengenalpasti proses-proses sistem pengurusan tertentu yang melibatkan '*Value Chain* ABPM'; iaitu:

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- 3.5.2.1 Mewujudkan kaedah pengukuran bagi mengukur tahap pencapaian perkhidmatan.
- 3.5.2.2 Menentukan adanya proses tindakan pembetulan, tindakan pencegahan dan penambahbaikan bagi memperbaiki kelemahan yang wujud dalam organisasi ABPM.
- 3.5.2.3 Melaksanakan proses kajian semula pengurusan bagi memantau dan menyemak perjalanan sistem pengurusan kualiti organisasi ABPM.
- 3.5.2.4 Mengenalpasti risiko kemerbahayaan melalui kaedah HIRARC di tempat kerja secara berterusan.

3.6 LATIHAN KEBOMBAAN

Penganjuran kursus dilaksanakan oleh penyelarar kursus yang dilantik bagi menyediakan dan menguruskan segala urusan kursus seperti jadual kursus, penyediaan borang-borang, persediaan makan dan minum, penginapan, penceramah dan lain-lain yang berkaitan dengan latihan.

Peserta-peserta kursus yang ditawarkan berkursus, dicalonkan oleh negeri-negeri mengikut keperluan tugas dan jawatan yang disandang. Perjalanan kursus juga melibatkan pelbagai kemudahan seperti simulator, peralatan kebombaaran, jentera bomba di samping kemahiran serta pengetahuan jurulatih .

BAHAGIAN 4 – KONTEKS DALAM ORGANISASI (*CONTEXT OF THE ORGANIZATION*)

4.1 Memahami Konteks Dalam Organisasi

ABPM telah mengenalpasti isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan bagi memastikan perancangan dan hala tuju ABPM selaras dengan kehendak dan keperluan dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB). Rujuk **LAMPIRAN 3**.

Sehubungan dengan itu pihak pengurusan ABPM telah membangunkan satu polisi 'Pelan Pengurusan Risiko' dan membuat Daftar Risiko Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

ABPM akan sentiasa memantau dan mengkaji isu-isu luaran dan dalaman ini dan akan dibincangkan dalam mesyuarat kajian semula pengurusan.

4.2 Memahami Keperluan Dan Jangkaan Daripada Kakitangan dan Pihak Berkepentingan



ABPM telah mengenalpasti keperluan dan jangkaan daripada kakitangan ABPM dan pihak berkepentingan bagi memastikan perancangan dan hala tuju ABPM selaras dengan kehendak dan keperluan dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB). ABPM akan mengenalpasti keperluan dan jangkaan yang mana yang akan menjadi keperluan undang-undang dan lain-lain keperluan.

Berikut adalah keperluan dan jangkaan daripada kakitangan ABPM dan pihak berkepentingan.

Pihak yang berkepentingan	Keperluan	Jangkaan
Stakeholder - Kementerian KPKT	- Menyediakan perkhidmatan latihan kebombaian – kebakaran dan penyelamatan yang berkualiti; bertaraf antarabangsa merangkumi aspek keselamatan dan kesihatan.	- Fasiliti di ABPM adalah yang terkini dan relevan dengan perkembangan teknologi semasa merangkumi semua aspek kebombaian
Kakitangan ABPM	- Tempat kerja yang selamat, sihat dan terkawal, bebas dari ancaman bahaya dan penyakit berjangkit - Diberi latihan dan informasi yang mencukupi untuk menjalankan tugas	- Mendapat pengiktirafan dan kenaikan pangkat - Mendapat faedah perubatan dan kebajikan kepada ahli keluarga terdekat.
Pengurusan ABPM	- Pengajian yang ditawarkan (pemadaman kebakaran, penyelamatan, keselamatan kebakaran, penyiasatan kebakaran, pengurusan kebombaian) adalah yang terkini dan	- Pengajian yang ditawarkan mendapat pengiktirafan anatarabangsa. - Menaik taraf 'Akademi' kepada 'Universiti'.



	<p>selaras dengan perundangan Malaysia dan antarabangsa.</p> <ul style="list-style-type: none">- Operasi di ABPM dijalankan dalam keadaan yang selamat dan sihat.	
<p>Penyedia Perkhidmatan Luar</p> <ul style="list-style-type: none">- Kontraktor- Pembekal	<ul style="list-style-type: none">- Peluang memberi perkhidmatan yang adil.- Pembayaran yang tepat pada masa- Menjalankan yugas di ABPM dalam keadaan sihat, selamat dan selesa.	<ul style="list-style-type: none">- Perlanjutan kontrak perkhidmatan- Tidak menukar kepada penyedia perkhidmatan luar yang lain.- Penilaian prestasi kerja yang tinggi yang diberikan oleh pegawai ABPM.
<p>Pihak berkuasa</p> <ul style="list-style-type: none">- JBPM- JKKP- JAS- Farmasi- MOHR- PBT-	<ul style="list-style-type: none">- Sentiasa mematuhi akta dan peraturan Malaysia- Memohon / memperbahurui lesen / permit.- Menyimpan rekod-rekod dengan baik untuk penyemakan oleh pegawai berkuasa.	<ul style="list-style-type: none">- Mengetahui dan melaksanakan perubahan apabila ada akta/ peraturan baru yang diumumkan oleh pihak berkuasa.
<p>Badan- badan sukarela</p> <ul style="list-style-type: none">- agensi-agensi- kerajaan- swasta- institut pendidikan	<ul style="list-style-type: none">- Persijilan selepas menjalankan kursus kebomgaan	<ul style="list-style-type: none">- Menghadiri kursus latihan pada hari bekerja- Perkhidmatan tempat tinggal (asrama) yang bersih, selamat dan selesa.- Perkhidmatan fasiliti lain seperti dobi, kafeteria dan lain-lain.
<p>Masyarakat dan orang awam</p>	<ul style="list-style-type: none">- Operasi latihan yang dijalankan dalam keadaan selamat dan tidak mengganggu ketenteraman awam.	<ul style="list-style-type: none">- Menyediakan latihan yang berkonsepkan 'environmental friendly'.
<p>Pesaing (Institusi kebomgaan negara lain)</p>	<ul style="list-style-type: none">- Berkongsi maklumat dan teknologi mengenai latihan	<ul style="list-style-type: none">- ABPM menawarkan kos kursus yang lebih tinggi.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

	kebombaan.	
Pengajar dalaman dan luaran	- Kemudahan PNP yang terkini. - Kadar bayaran yang tinggi.	- Diberi kekerapan tinggu untuk mengajar di ABPM. - Diberi elauan khas kejurulatihan.
Pemain Industri	- Membekalkan ABPM dengan kelengkapan / teknologi yang terkini dan canggih.	- Diberi peluang untuk mempromosikan kelengkapan / teknologi semasa ada latihan yang melibatkan peserta luar negara / swasta.

4.3 Menentukan Skop Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)

4.3.1 Skop Pematuhan ISO 9001:2015

ABPM melaksanakan Sistem Kualiti bagi proses Pemberian Latihan Kebombaan berasaskan keperluan piawaian MS ISO 9001:2015. Pemberian Latihan Kebombaan adalah berasaskan kepada fungsi utama organisasi Akademi iaitu latihan kebombaan kepada kakitangan jabatan. Sistem Kualiti ini dilaksanakan di semua ABPM yang mana ianya merujuk kepada Para 3.1.

4.3.2 Skop Pematuhan ISO 45001:2018



ABPM melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berasaskan keperluan piawaian ISO 45001:2018. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini dilaksanakan di semua ABPM yang mana ianya merujuk kepada Para 3.1.

Skop pematuhan ISO 45001:2018 untuk ABPM adalah ***Perkhidmatan Latihan Kebombaan***.

ABPM menentukan skop dengan menimbangkan

- a) isu-isu luaran dan dalaman yang dinyatakan dalam klausa 4.1
- b) keperluan dan jangkaan yang dinyatakan dalam klausa 4.2, termasuklah pematuhan akta dan perundangan
- c) unit organisasi, fungsi dan batasan fizikal
- d) aktiviti, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh ABPM
- e) kewibawaan dan kemampuan ABPM untuk menjalankan kawalan dan pengaruh

Skop sistem pengurusan OH&S ABPM ini didokumentasikan dan tersedia untuk pihak yang berminat.


	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

4.4 Sistem Pengurusan Bersepadu dan Hubungan Proses

Pengurusan SPB di ABPM diwujudkan, didokumen, dilaksanakan dan diselenggarakan dengan cara sistematik, ianya juga memberi tumpuan kepada peningkatan secara berterusan terhadap keberkesanan Akademi. Ini adalah selaras dengan kehendak ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018.


- a. Mengenalpasti proses melalui keperluan sistem pengurusan kualiti dan OH&S dan juga teras perkhidmatan Akademi. Lihat Rajah 1 : *Value Chain* Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- b. Menentukan turutan dan hubungkait di antara proses-proses ini menerusi Rajah 1 dan 2.
- c. Menentukan kriteria dan kaedah ke atas operasi serta kawalan proses bagi memastikan proses-proses yang berkesan.
- d. Memastikan sumber dan maklumat yang diperlukan disediakan sebagai sokongan kepada operasi serta pemantauan proses-proses.
- e. Memantau dan menilai proses-proses.
- f. Melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan pencapaian matlamat yang dirancang dan membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas proses-proses ini.



Rajah 1 : Value Chain Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia





Rajah 2 : Carta Turutan Dan Hubung Kait Antara Proses Di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia



	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	



BAHAGIAN 5 – KEPIMPINAN DAN KETERLIBATAN KAKITANGAN

5.1 Kepimpinan

5.1.1 Umum

Pihak Pengurusan harus menunjukkan kepimpinan dan komitmen berkenaan dengan sistem pengurusan bersepadu dengan:

- a. Mengambil tanggungjawab untuk keberkesanan sistem pengurusan bersepadu dan keseluruhan tanggungjawab dan akauntabiliti untuk pencegahan kecederaan dan kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan, serta penyediaan tempat dan aktiviti kerja yang selamat dan sihat;
- b. Memastikan bahawa dasar kualiti, dasar OH&S, objektif kualiti dan objektif Keselamatan dan Kesihatan pPekerjaan ditetapkan untuk sistem pengurusan bersepadu dan sesuai dengan konteks dan arah strategik Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia; (rujuk Dasar Kualiti, Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Lampiran 2A dan Lampiran 2B –Objektif kualiti dan Objektif OH&S)
- c. Memastikan penyatuan keperluan sistem pengurusan bersepadu ke dalam proses pengendalian Latihan Kebombaan di Akademi;
- d. Mempromosikan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berdasarkan risiko;
- e. Memastikan bahawa sumber yang diperlukan untuk sistem pengurusan bersepadu tersedia;
- f. Menyampaikan pentingnya pengurusan bersepadu yang berkesan dan mematuhi keperluan sistem pengurusan bersepadu;
- g. Memastikan bahawa sistem pengurusan bersepadu mencapai hasil dan hasil yang diharapkan;
- h. Melibatkan, mengarahkan dan menyokong orang untuk menyumbang kepada keberkesanan sistem pengurusan bersepadu;
- i. Memastikan dan mempromosikan peningkatan;
- j. Menyokong peranan pengurusan lain yang relevan untuk menunjukkan kepemimpinan mereka sebagaimana berlaku pada bidang tanggungjawab mereka;
- k. Mengembangkan, memimpin dan mempromosikan budaya dalam organisasi yang menyokong hasil yang diharapkan dari sistem pengurusan bersepadu;
- l. Melindungi pekerja dari balasan ketika melaporkan kejadian, bahaya, risiko dan peluang;
- m. Memastikan organisasi mewujudkan dan melaksanakan proses untuk perundingan dan penyertaan pekerja (lihat 5.4);
- n. Menyokong penubuhan dan fungsi jawatankuasa kesihatan dan keselamatan, [lihat 5.4 e) 1)].

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/01	- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
	ABPM/OH&S/05	- Konsultasi dan Penglibatan Kakitangan
		- myPortfolio

5.1.2 Berfokuskan Pelanggan

Pengurusan atasan harus menunjukkan kepimpinan dan komitmen berkenaan dengan berfokuskan pelanggan dengan memastikan bahawa:

- Pelanggan dan keperluan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan ditentukan, difahami dan dipenuhi secara konsisten;
- Risiko dan peluang yang dapat mempengaruhi kesesuaian perkhidmatan dan kemampuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan ditentukan dan ditangani; (rujuk Dasar OH&S, Objektif Kualiti dan OH&S di Lampiran 1 dan 2)
- Tumpuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dikekalkan.

Rujuk kepada peranan pemimpin di semua peringkat di dalam ABPM berkenaan dengan tanggungjawab mereka dalam Huraian Tugas.

5.2 Dasar

5.2.1 Membangunkan Dasar Kualiti dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



Pihak Pengurusan perlu memastikan Dasar Kualiti dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ABPM dikomunikasikan dan difahami oleh semua kakitangan ABPM, tenaga pengajar luar dan juga penyedia perkhidmatan luar yang bekerja di ABPM serta dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan. Dasar ini juga tersedia untuk pihak yang berminat melalui laman rasmi ABPM.

a) Dasar Kualiti

ABPM komited untuk memberikan latihan kebombaian dan penyelamatan secara holistik kepada pegawai bomba bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti.

b) Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan boleh dirujuk di dalam **LAMPIRAN 1.**

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	



5.3 Peranan, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa Organisasi

- 5.3.1** Pihak Pengurusan bertanggungjawab memutuskan semua tanggungjawab, kuasa-kuasa diperjelaskan serta dihebahkan melalui Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Carta Organisasi kepada semua peringkat kakitangan Jabatan.
- 5.3.2** Pihak Pengurusan juga memastikan tugas dan tanggungjawab seperti berikut dilaksanakan:
- i. Mewujud, melaksana dan menyenggara SPB;
 - ii. Melaporkan kepada pihak pengurusan atasan mengenai keberkesanan sistem SPB;
 - iii. Berurusan dengan pihak luar mengenai perkara-perkara berhubung dengan SPB;
 - iv. Memastikan aktiviti/ program yang meningkatkan kesedaran akademi mengenai kepentingan pelanggan dilaksanakan.

Bagi membantu pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di atas, Pihak Pengurusan melantik;

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) sebagai Wakil Pengurusan di mana tanggungjawab yang utama adalah seperti berikut;
 - a. Menyelia dan memastikan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018 dilaksanakan di Akademi.
- ii. Komandan-komandan Akademi sebagai Timbalan Wakil Pengurusan di mana tanggungjawab yang utama adalah seperti berikut;
 - a. Bertanggungjawab melaksana dan menyelenggara semua pengurusan kualiti dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ABPM, dan melaporkan semua bentuk pencapaian dan keberkesanan sistem SPB kepada Wakil Pengurusan.

DOKUMEN BERKAITAN:	-Manual SPB-Carta Organisasi (m/s 7-11) -myPortfolio
--------------------	---



	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

5.4 Konsultasi dan Penglibatan Kakitangan

ABPM akan menetapkan, melaksanakan dan memelihara proses untuk konsultasi dan penglibatan kakitangan di semua peringkat dan fungsi yang berlaku, dan, jika ada, perwakilan kakitangan, dalam pengembangan, perancangan, pelaksanaan, penilaian prestasi dan tindakan untuk peningkatan sistem pengurusan SPB.

ABPM hendaklah:-

- a) menyediakan mekanisme, masa, latihan dan sumber yang diperlukan untuk perundingan dan penyertaan;
- b) memberikan akses tepat pada masanya ke maklumat yang jelas, difahami dan relevan mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- c) menentukan dan menghilangkan cabaran atau halangan untuk penyertaan dan meminimumkan hal-hal yang tidak dapat elakkan;
- d) menekankan perundingan kakitangan bukan pengurusan mengenai perkara berikut:
 - i. Menentukan keperluan dan jangkaan pihak yang berkepentingan (lihat 4.2);
 - ii. Menetapkan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan (lihat 5.2);
 - iii. Menetapkan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa organisasi, jika berkaitan (lihat 5.3);
 - iv. Menentukan bagaimana untuk memenuhi syarat undang-undang dan keperluan lain (lihat 6.1.3);
 - v. Menetapkan objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan merancang untuk mencapainya (lihat 6.2);
 - vi. Menentukan kawalan yang perlu untuk penyedia perkhidmatan luar, pembekal dan kontraktor (lihat 8.1.4);
 - vii. Menentukan apa yang perlu dipantau, diukur dan dinilai (lihat 9.1);
 - viii. Merancang, menetapkan, melaksanakan dan menyelenggara program audit (lihat 9.2.2);
 - ix. Memastikan peningkatan berterusan (lihat 10.3);
- e) menekankan penyertaan kakitangan bukan pengurusan dalam perkara berikut:
 - i. Menentukan mekanisme perundingan dan penyertaan mereka;
 - ii. Mengenal pasti bahaya dan menilai risiko dan peluang (lihat 6.1.1 dan 6.1.2);

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- iii. Menentukan tindakan untuk menghilangkan bahaya dan mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (lihat 6.1.4);
- iv. Menentukan keperluan kecekapan, keperluan latihan, latihan dan penilaian latihan (lihat 7.2);
- v. Menentukan apa yang perlu disampaikan dan bagaimana ini akan dilakukan (lihat 7.4);
- vi. Menentukan langkah-langkah kawalan dan pelaksanaan dan penggunaannya yang berkesan (lihat 8.1,8.1.3 dan 8.2);
- vii. Menyiasat insiden dan ketidaksesuaian dan menentukan tindakan pembetulan (lihat 10.2).

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/OH&S/05	Konsultansi dan Penglibatan Kakitangan
--------------------	--------------	--

BAHAGIAN 6 –PERANCANGAN

6.1 Tindakan Mengenalpasti Risiko dan Peluang

6.1.1 Umum



Dalam merancang Sistem SPB pihak akademi telah membangunkan satu Pelan Pengurusan Risiko yang menjelaskan menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani dengan mengambil kira semua isu dalaman dan luaran yang merujuk kepada klausa 4.1; keperluan dan jangkaan daripada kakitangan ABPM dan pihak berkepentingan yang merujuk kepada klausa 4.2 dan skop OH&S dalam klausa 4.3 untuk memastikan SPB dapat mencapai hasil yang diharapkan, mencegah, atau mengurangkan kesan yang tidak diinginkan dan mencapai peningkatan berterusan.

Semasa menentukan risiko dan peluang untuk SPB dan hasil yang perlu dicapai, ABPM harus mengambil kira:

- bahaya
- Risiko dan risiko OH&S lain
- Peluang dan peluang OH&S lain
- perundangan dan keperluan lain.

ABPM dalam proses perancangannya, harus menentukan dan menilai risiko dan peluang yang relevan dengan hasil yang diharapkan dari SPB yang berkaitan dengan perubahan dalam organisasi, prosesnya atau sistem pengurusan bersepadunya. Di dalam perancangan untuk perubahan, secara kekal atau sementara, penilaian ini harus dilakukan sebelum perubahan itu dilaksanakan.

Dokumen Berkaitan:	ABPM/PR/01	- Pelan Pengurusan Risiko
--------------------	------------	---------------------------



	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

6.1.2 Pengenalpastian Bahaya dan Ppenilaian Risiko dan Peluang

6.1.2.1 Pengenalpastian Bahaya

ABPM akan mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk mengenal pasti bahaya yang berterusan dan proaktif. Proses-proses tersebut akan mengambil kira, tetapi tidak terhad kepada:

- a. Bagaimana kerja diatur, faktor sosial (termasuk beban kerja, waktu kerja, korban, gangguan dan buli), kepemimpinan dan budaya dalam organisasi;
- b. Aktiviti dan situasi rutin dan bukan rutin, termasuk bahaya yang timbul daripada:
 - i. Infrastruktur, peralatan, bahan, bahan dan keadaan fizikal tempat kerja;
 - ii. Reka bentuk produk dan perkhidmatan, penyelidikan, pengembangan, pengujian, pengeluaran, pemasangan, pembinaan, penyampaian, penyelenggaraan dan pelupusan perkhidmatan;
 - iii. Faktor manusia;
 - iv. Bagaimana kerja itu dilaksanakan;
- c. Insiden lalu yang relevan, dalaman atau luaran organisasi, termasuk keadaan kecemasan, dan penyebabnya
- d. Kemungkinan keadaan kecemasan;
- e. Orang, termasuk pertimbangan:
 - i. Mereka yang mempunyai akses ke tempat kerja dan aktiviti mereka, termasuk pekerja, kontraktor, pelawat dan orang lain;
 - ii. Mereka yang berada di sekitar tempat kerja yang boleh dipengaruhi oleh aktiviti organisasi;
 - iii. Pekerja di lokasi yang tidak berada di bawah kawalan langsung organisasi
- f. Masalah lain, termasuk pertimbangan:
 - i. Reka bentuk kawasan kerja, proses, pemasangan, mesin / peralatan, prosedur operasi dan organisasi kerja, termasuk penyesuaiannya dengan keperluan dan kemampuan pekerja yang terlibat;
 - ii. Situasi yang berlaku di sekitar tempat kerja yang disebabkan oleh aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan di bawah kawalan organisasi;
 - iii. Situasi yang tidak dikawal oleh organisasi dan berlaku di sekitar tempat kerja yang boleh menyebabkan kecederaan dan kesihatan yang buruk kepada orang di

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

tempat kerja;

- g. Perubahan sebenar atau yang dicadangkan dalam organisasi, operasi, proses, aktiviti dan sistem pengurusan bersepadu;
- h. Perubahan pengetahuan dan maklumat mengenai bahaya.

6.1.2.2 Penilaian Risiko OH&S dan risiko lain ke atas sistem pengurusan OH&S

Penilaian risiko Keselamatan dan Kesihatan dan risiko lain terhadap sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. ABPM akan mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan proses untuk:

- a) Menilai risiko Keselamatan dan Kesihatan dari bahaya yang dikenal pasti, sambil mengambil kira keberkesanan kawalan yang ada;
- b) Menentukan dan menilai risiko lain yang berkaitan dengan pembentukan, pelaksanaan, operasi dan penyelenggaraan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan.



Metodologi dan kriteria ABPM untuk penilaian risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan harus ditentukan berkenaan dengan skop, sifat dan masa mereka untuk memastikan mereka proaktif dan bukannya reaktif dan digunakan secara sistematik. Maklumat yang didokumentasikan harus disimpan dan disimpan berdasarkan metodologi dan kriteria.

6.1.2.3 Penilaian Peluang OH&S dan peluang lain ke atas sistem pengurusan OH&S

Penilaian peluang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan peluang lain untuk sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. ABPM akan mewujudkan, melaksanakan dan memelihara proses untuk menilai:

- a) Peluang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk meningkatkan prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, sambil mengambil kira perubahan yang dirancang untuk organisasi, dasar-dasar, proses-proses atau aktiviti-aktiviti dan:
 - i. Peluang untuk menyesuaikan kerja, organisasi kerja dan persekitaran kerja kepada kakitangan;
 - ii. Peluang untuk menghilangkan bahaya dan mengurangkan risiko Keselamatan dan Kesihatan;
- b) Peluang lain untuk meningkatkan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/OH&S/01	HIRARC
--------------------	--------------	--------

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

6.1.3 Pengenalpastian Keperluan Perundangan dan Lain-lain Peraturan

ABPM hendaklah membangunkan, melaksanakan dan menyelenggara proses:-

- a) Menentukan dan mempunyai akses kepada undang-undang terkini, keperluan lain yang berkaitan dengan bahaya, risiko OH&S dan sistem pengurusan bersepadu;
- b) Menentukan bagaimana undang-undang dan keperluan lain yang ditentukan ini diaplikasikan di akademi dan apa yang perlu dikomunikasikan;
- c) Mempertimbangkan undang-undang dan keperluan lain yang ditentukan ini ketika menubuhkan, melaksanakan, menyelenggara dan terus meningkatkan sistem pengurusan bersepadu ABPM.

Akademi harus menyelenggara dan menyimpan dokumentasi mengenai undang-undang dan keperluan lain. ABPM juga perlu memastikan ia dikemaskinikan untuk menunjukkan sebarang perubahan.

Dokumen Berkaitan:	ABPM/OH&S/04	PEMATUHAN PERUNDANGAN
--------------------	--------------	-----------------------

6.1.4 Perancangan Tindakan

ABPM akan merancang:



a) untuk mengambil tindakan untuk mengatasi:

- i. Risiko dan peluang yang dikenal pasti dalam klausa 6.1.2.2 dan 6.1.2.3I;
- ii. undang-undang dan keperluan lain yang dikenalpasti dalam klausa 6.1.3;
- iii. Bersiap sedia dan bertindak balas terhadap situasi kecemasan

b) bagaimana:

- i. Mengintegrasikan dan melaksanakan tindakan ke dalam proses sistem pengurusan bersepadu atau proses pengoperasian latihan yang lain;
- ii. Menilai keberkesanan tindakan ini

Akademi harus mengambil kira hierarki kawalan dan output dari sistem pengurusan bersepadu ketika merancang untuk mengambil

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

tindakan.

- i. Semasa merancang tindakan ini, akademi harus mempertimbangkan kaedah terbaik, pilihan teknologi, keperluan kewangan, operasi dan keperluan pengoperasian latihan yang lain;

Tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang harus sesuai dengan kemungkinan kesan terhadap perkhidmatan.

6.2 Objektif Kualiti & Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Perancangan Merealisasikannya

6.2.1 Objektif Kualiti & Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Penetapan kepada Objektif Kualiti dan Objektif Keselamatan dan kesihatan Perkerjaan telah diwujudkan oleh pihak pengurusan tertinggi seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 2A** dan **Lampiran 2B** dalam manual ini.

Objektif Kualiti dan Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini telah didokumenkan, dilaksanakan dan diselenggarakan secara sistematik dalam aspek penyimpanan, pelaksanaan, pengumpulan dan di analisa secara konsisten serta dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.



DOKUMEN BERKAITAN:	Lampiran 2A	Objektif Kualiti
	Lampiran 2B	Objektif Keselamatan dan Kesihatan

6.2.2 Merancang untuk mencapai objektif kualiti dan objektif OH&S

Semasa merancang bagaimana untuk mencapai objektif kualiti dan OH&S, ABPM harus menentukan:

- a) apa yang akan dilakukan;
- b) sumber apa yang diperlukan;
- c) siapa yang akan bertanggungjawab;
- d) bila ia akan siap;
- e) bagaimana hasilnya akan dinilai, termasuk petunjuk untuk pemantauan;
- f) bagaimana tindakan untuk mencapai objektif kualiti dan objektif OH&S akan disatukan ke dalam proses pengoperasian latihan ABPM.

ABPM harus mengekalkan dan menyimpan maklumat yang didokumentasikan mengenai objektif kualiti dan objektif OH&S dan rancangan untuk mencapainya.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

BAHAGIAN 7 – SOKONGAN

7.1 Pengurusan Sumber

7.1.1 Am

Akademi melalui Ibu Pejabat JBPM mengenalpasti sumber-sumber seperti pekerja-pekerja, jurulatih, jentera, peralatan, kemudahan penginapan, simulator, keperluan sukan, infrastruktur, telekomunikasi, dan lain-lain yang diperlukan untuk menubuhkan, menyelenggara dan membaiki berterusan SPB agar dapat:



- a. Memberi latihan kebombaam yang berkualiti kepada pelanggan.
- b. Menentukan sistem pengurusan kualiti dan OH&S akademi dilaksanakan dan diselenggara bagi memperolehi keberkesanan yang berterusan.
- c. Memenuhi keperluan pelanggan yang ditetapkan.
- d. Mematuhi perundangan dan keperluan lain yang ditetapkan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/09	- Penyediaan Anggaran Belanjawan - Resources Masterlist Record
--------------------	------------	---

7.1.2 Perancangan Sumber Manusia

Akademi menyediakan kakitangan yang kompeten melalui proses pendidikan, latihan, kemahiran dan berpengalaman dalam memastikan latihan kebombaam dan penyelamatan kepada pelanggan berada di tahap yang berkualiti.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/09	- Penyediaan Anggaran Belanjawan
	ABPM/PS/04	- Latihan Pengukuhan Jurulatih

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

7.1.3 Infrastruktur

Akademi mengenalpasti, mengadakan dan menyelenggara hal-hal infrastruktur yang menyumbang kepada syarat-syarat kepatuhan produk seperti:



- Bangunan, kawasan kerja dan lain-lain kemudahan seperti asrama penginapan, bilik kuliah, auditorium, padang kawat, perpustakaan, makmal dan sebagainya.
- Peralatan-peralatan yang digunakan dalam pelaksanaan proses-proses bagi aktiviti-aktiviti yang disebut dalam prosedur seperti simulator, scuba dan sebagainya.
- Perkhidmatan sokongan seperti kenderaan dan peralatan komunikasi.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/02	- Pengurusan Logistik
	ABPM/PS/03	- Pengurusan Asrama Penginapan
	ABPM/PS/05	- Pengendalian, Penyelenggaraan Dan Pembaikan Simulator
	ABPM/PS/11	- Pembaikan Kenderaan Bomba / Peralatan Kebombaan Bermotor
	ABPM/PS/12	- Penyelenggaraan Peralatan Kebombaan Tidak Bermotor

7.1.4 Persekitaran Kerja

Akademi akan menentukan dan menguruskan persekitaran kerja bagi menjamin kualiti perkhidmatan dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kakitangan dan pihak berkepentingan seperti pelanggan, kontraktor, stakeholder dan lain-lain berada di dalam tahap yang memuaskan seperti penyelenggaraan peralatan dan bangunan serta kemudahan asas seperti kuarters, pejabat, simulator, asrama, surau, kantin, tandas, sistem perhubungan, kenderaan, riadah dan sebagainya.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/09	- Penyediaan Anggaran Belanjawan - Pemeriksaan Tempat Kerja
--------------------	------------	---

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

7.1.5 Pemantauan Dan Pengukuran Sumber

7.1.5.1 Am :-

7.1.5.2 Kebolehkesanan Pengukuran

Semua peralatan/kaedah yang digunakan untuk kerja-kerja pembaikan kenderaan dan peralatan serta peralatan-peralatan yang digunakan dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan milik Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia hendaklah dibuat tentukuran berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-



- a. Tentukuran mengikut piawaian antarabangsa.
- b. Tentukuran mengikut buku manual atau perisian (Software) peralatan itu sendiri.

Tentukuran hendaklah dijalankan mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan sebagai contoh, sebulan sekali, 6 bulan sekali atau setahun sekali. Kerja-kerja tentukuran adalah dijalankan oleh :-

- a. Badan yang diiktiraf oleh kerajaan seperti SIRIM
- b. Syarikat pembuat itu sendiri.

Peralatan yang telah dibuat tentukuran hendaklah diberi status baik dan dikawal supaya selamat dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan pengukuran tidak tepat. Peralatan hendaklah disimpan di tempat yang selamat sebelum diserahkan untuk digunakan dan semasa digunakan. Sekiranya peralatan tersebut sudah tidak boleh dibuat tentukuran ianya hendaklah diasingkan untuk tujuan pelupusan. Semua data-data dan rekod berkaitan peralatan yang dibuat tentukuran hendaklah direkodkan dan disimpan dengan baik.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/15	- Pengendalian Tentukuran Peralatan
--------------------	------------	-------------------------------------



	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

7.1.6 Pengetahuan Organisasi

ABPM memastikan keperluan pengetahuan latihan kepada kakitangan dalam organisasi dapat dilaksanakan seperti berikut:-

7.1.6.1 Perlaksanaan Program

- a. Penerimaan ilmu pengetahuan dan kemahiran merujuk kepada:
 - Pegawai akan dipilih dan dihantar atau menjalani latihan atau kursus atau bengkel atau apa-apa aktiviti yang berkaitan kebombaan sama ada di dalam atau luar negara melalui agensi di dalam atau di luar negara.
 - Menempatkan pegawai yang mempunyai ilmu pengetahuan atau kepakaran didalam sesuatu bidang di akademi sebagai pegawai latihan.
- b. Perkongsian ilmu pengetahuan kepada semua jurulatih di akademi melalui:
 - Pegawai yang telah menjalani kursus dikehendaki mengeluarkan laporan atau membuat modul atau buku atau penulisan ilmiah (jika berkaitan) untuk dijadikan sumber rujukan atau dikembangkan kepada pegawai lain. (rujukan contoh kerangka modul seperti mana lampiran 2)
 - Pelaksanaan kursus, latihan, kelas pengembangan ilmu bagi menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diperolehi.
- c. Penyimpanan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh jurulatih di buat melalui:
 - Penulisan ilmiah yang telah dibuat perlu direkodkan dan disimpan di perpustakaan atau ruangan membaca sebagai sumber rujukan.
 - Pegawai yang telah dikenalpasti ditempatkan di akademi sebagai pegawai latihan
 - Pegawai yang dikenalpasti akan disenaraikan sebagai penceramah jemputan oleh pihak akademi.
 - Pasukan pelapis dibentuk bagi mengekalkan kesinambungan ilmu pengetahuan dan kemahiran

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

berkaitan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/04 ABPM/PR/03	- Latihan Pengukuhan Jurulatih - Pengetahuan Organisasi
---------------------------	--------------------------	--

7.2 Kompetensi

Akademi hendaklah:-



- Menentukan kompetensi yang diperlukan bagi orang yang melakukan kerja di bawah kawalan ABPM yang boleh mempengaruhi prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan bersepadu dan kemampuannya untuk memenuhi tanggungjawab pematuhannya;
- Memastikan bahawa orang-orang ini berkompeter (termasuk kemampuan untuk mengenal pasti bahaya) berdasarkan pendidikan, latihan, atau pengalaman yang bersesuaian;
- Jika berkenaan, mengambil tindakan untuk memperoleh dan mengekalkan kompetensi yang diperlukan, dan menilai keberkesanan tindakan yang diambil;
- Menyimpan maklumat yang didokumentasikan yang berkaitan sebagai bukti. kompetensi.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/04	- Latihan Pengukuhan Jurulatih
---------------------------	------------	--------------------------------

7.3 Kesedaran

ABPM akan memastikan bahawa orang yang melakukan kerja di bawah kawalan ABPM sedar tentang:

- Dasar kualiti dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ABPM
- Objektif Kualiti dan Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ABPM
- Sumbangan mereka terhadap keberkesanan sistem pengurusan bersepadu, termasuk faedah peningkatan prestasi;
- Implikasi dan potensi kesan ketidakpatuhan sistem pengurusan bersepadu, termasuk tidak memenuhi kewajiban pematuhan organisasi.
- Insiden dan hasil penyiasatan yang berkaitan dengannya;
- Bahaya, risiko OH&S dan tindakan yang ditentukan yang berkaitan dengannya;
- Kemampuan untuk melepaskan diri dari situasi kerja yang mereka anggap sebagai bahaya dan bahaya yang serius bagi nyawa atau kesihatan mereka, serta pengaturan untuk melindungi mereka dari akibat yang tidak wajar untuk melakukannya.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

7.4 Komunikasi

ABPM memastikan proses komunikasi dalaman dan luaran yang bersesuaian menubuhkan, melaksana dan menyelenggara bagi keberkesanan dalam pengurusan sistem kualiti dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui penentuan:

- a) mengenai apa yang akan disampaikan;
- b) bila hendak berkomunikasi;
- c) dengan siapa untuk berkomunikasi:
 - 1) secara dalaman di antara pelbagai peringkat dan fungsi organisasi;
 - 2) di kalangan kontraktor dan pelawat ke tempat kerja;
 - 3) antara pihak lain yang berminat;
- d) cara berkomunikasi.

ABPM harus mengambil kira aspek kepelbagaian (contohnya jantina, bahasa, budaya, literasi, kecacatan) semasa mempertimbangkan keperluan komunikasi. ABPM juga harus memastikan bahawa pandangan pihak berkepentingan luar dipertimbangkan dalam mewujudkan proses komunikasi.

Semasa menetapkan proses komunikasi, ABPM:

- mengambil kira undang-undang dan keperluan lain;
- memastikan maklumat quality dan OH&S yang hendak disampaikan sesuai dengan maklumat yang dihasilkan di dalamnya sistem pengurusan SPB, dan boleh dipercayai.

ABPM akan bertindak balas terhadap komunikasi yang relevan mengenai sistem pengurusan SPB seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 3**



ABPM akan menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti komunikasi secara bersesuaian.

7.4.1 Komunikasi Dalaman

Proses Komunikasi dilaksanakan melalui surat, faks, memo, sistem talian mudah alih, e-mail, dan laman sesawang jabatan.

7.4.2 Luaran

ABPM menyampaikan maklumat secara luaran yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti dan OH&S, seperti yang ditentukan oleh proses komunikasi organisasi dan mengambil kira keperluan undang-undang dan keperluan lain.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

7.5 Maklumat yang Didokumentasikan

7.5.1 Am

Dokumen sistem pengurusan kualiti Akademi mengandungi:

- a. Pernyataan Dasar dan Objektif Kualiti dan OH&S.
- b. Manual Pengurusan Bersepadu.
- c. Prosedur-prosedur yang perlu didokumenkan mengikut MS ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018
- d. Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi memastikan perancangan, operasi dan kawalan ke atas proses dijalankan dengan berkesan.
- e. Rekod-rekod yang diperlukan oleh MS ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018

7.5.2 Kawalan Dokumen

Semasa membuat dan mengemas kini maklumat yang didokumentasikan, ABPM akan memastikan dokumen mempunyai:

- a) pengenalan dan keterangan (contohnya tajuk, tarikh, pengedia, nombor rujukan, dan lain-lain);
- b) format (contohnya bahasa, versi perisian, grafik) dan media (contohnya kertas, elektronik);
- c) mengkaji dan meluluskan kesesuaian dan kecukupan.



7.5.3 Kawalan maklumat yang didokumentasikan

Maklumat yang didokumentasikan yang diperlukan oleh sistem pengurusan SPB dan oleh dokumen ini dikawal untuk memastikan:

- a) ia tersedia dan sesuai digunakan, di mana dan bila diperlukan;
- b) dilindungi dengan secukupnya (contohnya dari kehilangan kerahsiaan, penggunaan yang tidak betul atau kehilangan integriti).

Untuk kawalan maklumat yang didokumentasikan, ABPM akan menjalankan aktiviti seperti berikut:

- mengedarkan, mengakses, mengambil semula dan menggunakan;
- penyimpanan dan pemeliharaan, termasuk pemeliharaan keterbacaan;
- kawalan perubahan (contohnya kawalan versi);
- pengekalan dan pelupusan.


	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

Maklumat yang didokumentasikan dari luaran yang ditentukan oleh ABPM perlu untuk perancangan dan pengendalian sistem pengurusan SPB hendaklah dikenalpasti, bersesuaian dan terkawal

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/10	- Kawalan Dokumen
--------------------	------------	-------------------

Struktur dokumen ini digambarkan di rajah berikut :

Rajah 3 : Hirarki Dokumentasi



BAHAGIAN 8 – OPERASI

8.1.1 Perancangan Dan Kawalan Operasi:

ABPM merancang, melaksanakan, mengawal dan mengekalkan proses yang diperlukan untuk memenuhi keperluan sistem pengurusan bersepadu, dan untuk melaksanakan tindakan yang ditentukan di dalam klausa melalui:

- a. Penetapan Objektif Kualiti dan Keselamatan dan Kesihatan serta keperluan latihan.


- b. Pembangunan proses-proses, dokumen berkaitan serta peruntukan sumber yang cukup.
- c. Menetapkan kriteria operasi dan mendokumentasikan prosedur bagi mengelakkan penyimpangan daripada polisi dan objektif SPB;
- d. Aktiviti pelaksanaan, pemantauan, penilaian serta pemeriksaan bagi memastikan proses yang dijalankan adalah mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- e. Penyelenggaraan dan penyimpanan rekod-rekod maklumat dokumentasi setakat yang diperlukan untuk mempunyai keyakinan bahawa proses yang telah dijalankan adalah seperti yang dirancang, pemberian latihan yang mencerminkan pencapaian mutu perkhidmatan yang telah dikenalpasti di dalam prosedur. Penyesuaian kerja dengan pekerja.
- f.
- g. Kawalan operasi yang berkaitan organisasi dan aktiviti sokongan, ABPM telah membuat integrasi kawalan operasi ke dalam Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- h. Kawalan untuk pembelian barangan, peralatan dan perkhidmatan;

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
	ABPM/PK/02	- Pensijilan
	ABPM/PK/03	- Pelaksanaan Peperiksaan
	ABPM/PS/04	- Latihan Pengukuhan Jurulatih
	ABPM/OH&S /01	-Hazard Identification Risk Assessment & Risk Control

8.1.2 Menghapuskan hazard dan Mengurangkan Risiko OH&S

ABPM akan menetapkan, melaksana dan memelihara proses untuk penghapusan bahaya dan pengurangan risiko OH&S dengan menggunakan hierarki kawalan berikut:

- a) menghapuskan bahaya;
- b) menggantikan dengan proses, operasi, bahan atau peralatan yang kurang berbahaya;
- c) menggunakan kawalan kejuruteraan dan penyusunan semula kerja;
- d) menggunakan kawalan pentadbiran, termasuk latihan;
- e) menggunakan peralatan pelindung diri yang mencukupi.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

8.1.3 Pengurusan perubahan

ABPM akan menetapkan proses untuk pelaksanaan dan kawalan perubahan sementara dan kekal yang dirancang yang mempengaruhi prestasi OH&S termasuklah:

- a) produk, perkhidmatan dan proses baru, atau perubahan kepada produk, perkhidmatan dan proses yang sedia ada, termasuk:
 - lokasi tempat kerja dan persekitaran
 - organisasi kerja
 - keadaan kerja
 - peralatan
 - tenaga kerja
- b) perubahan kepada keperluan undang-undang dan keperluan lain
- c) perubahan pengetahuan atau maklumat mengenai bahaya dan risiko OH&S
- d) perkembangan pengetahuan dan teknologi.

Organisasi harus mengkaji akibat perubahan yang tidak disengajakan, mengambil tindakan untuk mengurangkan kesan buruk, jika perlu.

8.1.4 PEROLEHAN

8.1.4.1 Am

ABPM menetapkan, melaksanakan dan memelihara proses untuk mengawal perolehan produk dan perkhidmatan untuk memastikan kesesuaiannya dengan sistem pengurusan OH&Snya.

8.1.4.2 Kontraktor-kontraktor

ABPM menyelaraskan proses perolehannya dengan kontraktornya, untuk mengenal pasti bahaya dan untuk menilai dan mengawal risiko OH&S yang muncul daripada:

- a) aktiviti dan operasi kontraktor yang memberi kesan kepada ABPM;
- b) aktiviti dan operasi ABPM yang memberi kesan kepada pekerja kontraktor;
- c) aktiviti dan operasi kontraktor yang memberi kesan kepada pihak lain yang berkepentingan di tempat kerja.

ABPM memastikan bahawa keperluan sistem pengurusan OH&Snya dipatuhi oleh kontraktor dan pekerja mereka. Kriteria untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan ditentukan dan digunapakai semasa pemilihan kontraktor di dalam proses perolehan ABPM.

8.1.4.3 Penyumberan Luar

ABPM memastikan fungsi dan proses penyumberan luar adalah terkawal. ABPM memastikan bahawa pengaturan penyumberan luarnya adalah konsisten dengan keperluan undang-undang dan keperluan lain untuk mencapai hasil yang diharapkan dari sistem pengurusan OH&S. Jenis dan tahap kawalan yang akan diterapkan pada fungsi dan proses ini akan ditentukan dalam sistem Pengurusan OH&S.

8.2 PERHUBUNGAN PELANGGAN

8.2.1 Mengenalpasti keperluan pelanggan terhadap latihan / kursus

ABPM mengenalpasti kehendak pelanggan terhadap latihan melalui kehadiran kursus, aduan, perbincangan serta kaedah-kaedah yang dikenalpasti.

Kehendak pelanggan dikenalpasti dengan jelas supaya pemberian perkhidmatan dapat dilakukan dengan berkesan. Kehendak pelanggan merangkumi :



- a. Dinyatakan oleh pelanggan
- b. Dinyatakan dalam Akta 341
- c. Peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh JBPM

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
	ABPM/PS/04	- Latihan Pengukuhan Jurulatih
	ABPM/PS/16	-Penyediaan Makan Minum

8.2.2 Semakan Semula Keperluan Perkhidmatan Yang Hendak Disampaikan Kepada Pelanggan

ABPM sentiasa memastikan kepuasan ke atas pelanggan dalam mengkaji semula serta memberi atau menerima maklumbalas dari pelanggan.

- a. Semua kehendak perkhidmatan yang diberi hendaklah dikenalpastikan.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- b. Jika terdapat sebarang kekurangan pada perkhidmatan atau tidak memenuhi kehendak pelanggan yang ditetapkan, segera diatasi.
- c. ABPM berkemampuan untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan.

Hasil daripada kajian semula dan tindakan yang telah diambil hendaklah direkod dan diselenggarakan. ABPM menentukan, jika terdapat perubahan pada proses berkaitan dengan pelanggan, maka ianya akan dikemaskinikan dan disebarikan kepada semua kakitangan serta pelanggan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
	ABPM/PK/02	- Pensijilan
	ABPM/PK/03	- Pelaksanaan Peperiksaan
	ABPM/PS/04	- Latihan Pengukuhan Jurulatih
	ABPM/PS/08	- Pengendalian Aduan Pelanggan

8.2.3 Komunikasi Dengan Pelanggan

ABPM mengenalpasti dan melaksana urusan yang berkesan untuk berkomunikasi dengan pelanggan, melalui;



- a. Maklumat perkhidmatan yang diberi.
- b. Pertanyaan, Piagam Pelanggan serta pindaan atau perubahan daripada perkhidmatan.
- c. Maklum balas dan aduan daripada pelanggan.

Kaedah perhubungan pelanggan dilakukan melalui forum, seminar, taklimat program kesedaran, media massa dan kempen serta perkhidmatan kaunter.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/08	- Pengendalian Aduan Pelanggan
--------------------	------------	--------------------------------

8.3 KESEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

ABPM mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan proses yang diperlukan untuk mempersiapkan dan bertindak balas terhadap situasi kecemasan yang berkemungkinan yang dikenalpasti di dalam 6.1.1.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

ABPM hendaklah:



- a. Menetapkan tindak balas terancang terhadap situasi kecemasan, termasuk pemberian pertolongan cemas;
- b. Memberi latihan untuk tindak balas yang dirancang;
- c. Bertindak balas terhadap situasi kecemasan sebenar;
- d. Menguji dan melaksanakan keupayaan tindak balas yang dirancang secara berkala;
- e. Menilai prestasi dan, jika perlu, mengkaji semula tindak balas yang dirancang, termasuklah setelah ujian dan, khususnya, setelah berlakunya situasi kecemasan;
- f. Berkomunikasi dan memberikan maklumat yang relevan kepada semua kakitangan mengenai tugas dan tanggungjawab mereka;
- g. Menyampaikan maklumat yang relevan kepada kontraktor, pelawat, peserta kursus, Pasukan tindak balas kecemasan, pihak berkuasa kerajaan dan, jika sesuai, masyarakat setempat;
- h. Dengan mengambil kira keperluan dan kemampuan semua pihak yang berkepentingan dan memastikan penglibatan mereka, jika bersesuaian, dalam pembangunan tindak balas yang dirancang.
- i. ABPM akan mengekalkan dan menyimpan maklumat yang didokumentasikan mengenai proses-proses dan merancang untuk bertindak balas terhadap situasi kecemasan yang berpotensi.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/OSH/02	- <i>Prosedur Emergency Response Plan</i>
	ABPM/OSH/03	-Pelaporan dan Penyiasatan Kemalangan Dan Insiden

8.4 PEROLEHAN ASET DAN PERKHIDMATAN

8.4.1 Proses Perolehan

- a. ABPM memastikan setiap pembelian/perkhidmatan memenuhi dan menepati spesifikasi Jabatan.
- b. Jabatan perlu mematuhi kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan :-
 - i. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan
 - ii. Prosedur Perolehan Bekalan Perkhidmatan & Kerja Arah Perbendaharaan – Perkara 166-300

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- c. Setiap perolehan bekalan mestilah menepati justifikasi piawaian semasa.
- d. Perolehan sebutharga dilaksanakan di Akademi dan perolehan tender dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat.
- e. Setiap perolehan perkhidmatan hendaklah menepati justifikasi daripada pembekal yang berdaftar.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/09	- Penyediaan Anggaran Belanjawan
--------------------	------------	----------------------------------

8.5 PEMBERIAN PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

8.5.1 Kawalan Ke Atas Proses Penyediaan Pemberian Perkhidmatan

ABPM merancang ke atas pemberian perkhidmatan supaya sentiasa di dalam keadaan terkawal. Pengawasan merangkumi:

- a. Penyediaan maklumat berkenaan ciri-ciri perkhidmatan.
- b. Kewujudan Arahan Kerja, Garis Panduan, Prosedur yang betul.
- c. Menyediakan peralatan yang cukup dalam organisasi ABPM supaya dapat digunakan pada bila-bila masa.
- d. Penggunaan peralatan pengukuran yang sesuai.
- e. Pelaksanaan proses penilaian, pemantauan serta pemeriksaan.
- f. Pelaksanaan pemberian terus perkhidmatan.



DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
--------------------	------------	----------------------

8.5.2 Validasi Proses Penyediaan Dan Penyampaian Perkhidmatan Kepada Pelanggan.

Seksyen ini tidak diguna pakai oleh sistem pengurusan kualiti ABPM kerana semua urusan pemantauan ke atas peserta kursus yang telah hadir di semua lokasi ABPM hanya akan dipantau dan dinilai di peringkat negeri dan balai sahaja.

8.5.3 Identifikasi Dan Kemudahkesanan

Pengenalan bagi kesesuaian penggunaan sesuatu peralatan akan ditandakan/dilabelkan dengan sesuatu simbol atau tulisan. Bagi perkhidmatan pula, jenis perkhidmatan dikenalpasti melalui sistem koding pada fail dan rekod-rekod yang berkaitan dengannya akan disimpan dan

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

diselenggara. Manakala bagi pengenalan kepada kursus-kursus yang dilaksanakan, sistem nombor siri kursus dan fail khas kursus akan disediakan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
--------------------	------------	----------------------

8.5.4 Pemuliharaan

ABPM menentukan adanya proses-proses penyediaan dan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan mematuhi keperluan identifikasi, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan dan kawalan yang ditetapkan. Prosedur-prosedur yang mematuhi keperluan pemuliharaan dari sudut identifikasi, pengendalian, penyimpanan dan kawalan adalah seperti di bawah:

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PK/01	- Pelaksanaan Kursus
	ABPM/PK/02	- Pensijilan
	ABPM/PK/03	- Pelaksanaan Peperiksaan

8.7 KAWALAN KE ATAS PERALATAN/KAEDAH PENILAIAN



Semua peralatan/kaedah yang digunakan untuk kerja-kerja pembaikan kenderaan dan peralatan serta peralatan-peralatan yang digunakan dalam operasi penyelamatan milik Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia hendaklah dibuat tentukan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- a. Tentukan mengikut piawaian antarabangsa.
- b. Tentukan mengikut buku manual atau perisian (Software) peralatan itu sendiri.

Tentukan hendaklah dijalankan mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan sebagai contoh, 6 bulan sekali atau setahun sekali. Kerja-kerja tentukan adalah dijalankan oleh :-

- a. Badan yang diiktiraf oleh kerajaan. (SIRIM)
- b. Syarikat pembuat itu sendiri.

Peralatan yang telah dibuat tentukan hendaklah diberi status baik dan dikawal supaya selamat dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan pengukuran tidak tepat. Peralatan hendaklah disimpan di tempat yang selamat sebelum diserahkan untuk digunakan dan semasa digunakan. Sekiranya peralatan tersebut sudah tidak

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

boleh dibuat tentukan ianya hendaklah diasingkan untuk tujuan pelupusan. Semua data-data dan rekod berkaitan peralatan yang dibuat tentukan hendaklah direkodkan dan disimpan dengan baik.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/15	- Pengendalian Tentukan Peralatan
--------------------	------------	-----------------------------------

BAHAGIAN 9 – PENILAIAN PRESTASI

9.1 Pemantauan, Pengukuran Analisis dan Penilaian Prestasi

9.1.1 Am



ABPM akan menetapkan, melaksanakan dan memelihara proses untuk pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi. ABPM akan menganalisis dan menilai data dan maklumat yang bersesuaian hasil dari pemantauan dan pengukuran.

ABPM akan menentukan perkara berikut;

- a. Apa yang perlu dipantau dan diukur, termasuklah
 - i. Sejauh mana keperluan undang-undang dan keperluan lain dipenuhi;
 - ii. Aktiviti dan operasinya yang berkaitan dengan bahaya, risiko dan peluang yang telah dikenalpasti;
 - iii. Kemajuan ke arah pencapaian objektif kualiti dan objektif OH&S organisasi;
 - iv. Keberkesanan kawalan operasi dan lain-lain kawalan;
- b. Kaedah untuk pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi mengikut kesesuaian untuk memastikan keputusan yang sah;
- c. Kriteria di mana ABPM akan menilai prestasi OS&Hnya.
- d. Bila pemantauan dan pengukuran akan dilakukan;
- e. Bila hasil pemantauan dan pengukuran harus dianalisis, dinilai dan dikomunikasikan.

Hasil daripada analisis akan digunakan untuk menilai :

- a) Kepatuhan kepada produk dan perkhidmatan
- b) Kepatuhan kepada keperluan undang-undang dan keperluan lain
- c) Tahap kepuasan pelanggan
- d) Prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan bersepadu
- e) Adakah perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan;
- f) Keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang;
- g) Prestasi penyedia luar;
- h)Keperluan penambahbaikan sistem pengurusan bersepadu.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	



ABPM akan menilai prestasi kualiti dan OH&S dan menentukan keberkesanan sistem pengurusan bersepadu. ABPM akan memastikan bahawa peralatan pemantauan dan pengukuran dikalibrasi atau disahkan, ,mengikut kesesuaian, dan digunakan dan dijaga dengan sewajarnya.

ABPM akan menyimpan maklumat yang didokumentasikan yang bersesuaian:
- sebagai bukti hasil pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi;
- mengenai penyelenggaraan, penentuan atau pengesahan alat pengukur.

Antara aktiviti pemantauan dan pengukuran prestasi disenarai seperti berikut:

BIL	PENGUKURAN PROAKTIF	PENGUKURAN REAKTIF
1	Kemajuan Pencapaian objektif SPB	Tahap Kepuasan pelanggan melalui maklumbalas
2	Prestasi sistem melalui hasil audit-an-audit dalaman dan audit pihak SIRIM	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Ketidakkuran • Pelanggaran Perundangan • Ketidakpatuhan kepada prosedur
3	Analisa statistik yang memberi petunjuk keperluan tindakan pencegahan – trend analysis dan keberkesanan penggunaan data	Kadar insiden - kemalangan, kejadian merbahaya, penyakit pekerjaan, kejadian nyaris, kadar kehilangan masa bekerja (LTI)
4	Pemantauan pematuhan kepada akta, perundangan dan lain-lain keperluan	Laporan aduan pelanggan dan awam terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
5	Keberkesanan latihan dan pelaksanaan program	Pemantauan pelaksanaan tindakan pembedahan dan Penambahbaikan
6	Keberkesanan kawalan operasi dan latihan kecemasan, atau keperluan untuk mengubah suai atau memperkenalkan kawalan baru	Laporan kesihatan pekerja (melalui pengawasan) dan pekerjaan persekitaran;

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/01	- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
	ABPM/PS/06	- Data Dan Analisis
	ABPM/PS/13	- Tindakan Pembedahan, Dan Penambahbaikan

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

9.1.2 Kepuasan Pelanggan

Bagi mengukur kepuasan pelanggan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia mendapat maklumbalas dari pelanggan yang dibuat melalui media cetak dan elektronik, lisan dan peti aduan pelanggan dan akan diambil tindakan dengan segera.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/08	- Pengendalian Aduan Pelanggan
--------------------	------------	--------------------------------

9.1.3 Penilaian Pematuhan Perundangan

ABPM menetapkan, melaksanakan dan mengekalkan proses untuk menilai pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan keperluan lain.

ABPM akan :

- a. menentukan kekerapan dan kaedah untuk penilaian pematuhan;
- b. menilai pematuhan dan mengambil tindakan sekiranya diperlukan;
- c. mengekalkan pengetahuan dan pemahaman mengenai status pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan keperluan lain;
- d. menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti hasil penilaian pematuhan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/OSH/04	Pematuhan Perundangan
--------------------	-------------	-----------------------



9.2 Audit Dalaman

9.2.1 ABPM akan menjalankan audit dalaman secara berkala yang dirancang untuk mendapatkan maklumat bagi memastikan sama ada sistem pengurusan bersepadu:-

- a) Mematuhi keperluan ABPM untuk sistem kualiti dan OH&Snya, termasuklah dasar dan objektif kualiti dan OH&S.
- b) Mematuhi keperluan ISO 9001:2015 dan ISO 45001:2018
- c) Adalah dilaksanakan secara berkesan dan dikekalkan

9.2.2 ABPM akan

- a) merancang, menetapkan, melaksanakan dan memelihara program audit termasuk kekerapan, kaedah, tanggungjawab, perundingan, keperluan perancangan dan pelaporan, yang harus diambil kira

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- kepentingan proses yang berkenaan, perubahan yang mempengaruhi organisasi, dan hasil audit sebelumnya
- b) menentukan kriteria dan skop audit untuk setiap audit;
 - c) memilih juruaudit dan menjalankan audit untuk memastikan objektiviti dan tidak memihak di dalam proses audit;
 - d) memastikan bahawa hasil daripada audit dilaporkan kepada pengurus yang berkaitan; memastikan hasil daripada audit yang berkaitan dilaporkan kepada pekerja, dan, jika ada, wakil pekerja, dan lain-lain yang pihak yang berminat;
 - e) mengambil tindakan untuk mengatasi ketidakpatuhan dan terus meningkatkan prestasi kualiti dan OH&Snya
 - f) menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti pelaksanaan program audit dan hasil audit.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/14	- Audit Kualiti Dalaman
--------------------	------------	-------------------------



9.3 Kajian Semula Pengurusan

9.3.1 Pihak Pengurusan atasan ABPM hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan kualiti dan OH&S organisasi secara berkala bagi memastikan kesesuaian, kelengkapan, keberkesanan berterusan dan sejajar dengan hala tuju strategik jabatan.

9.3.2 Input Kajian Semula Pengurusan

Kajian semula pengurusan oleh pihak pengurusan atasan akademi ABPM hendaklah dirancang dan dijalankan dengan mengambil kira:

- a. Status tindakan dari kajian semula pengurusan sebelumnya.
- b. Perubahan dalam isu dalaman dan luaran yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti dan OH&S ABPM akademi-termasuklah:
 - i. keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan
 - ii) keperluan undang-undang dan keperluan lain
 - iii) risiko dan peluang.
- c. Sejauh mana dasar kualiti dan OH&S dan objektif kualiti dan OH&S telah dipenuhi
- e. Maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan
- d. kualiti dan OH&S termasuk trend dalam:
 - i. kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

- berkepentingan kepada ABPM
- ii. hasil penilaian pematuhan dengan keperluan undang-undang dan keperluan lain
- iii. prestasi proses dan keakuratan produk dan perkhidmatan
- iv. insiden, ketidakpatuhan tindakan pembetulan dan peningkatan berterusan
- v. hasil pemantauan dan pengukuran
- vi. hasil audit
- vii. prestasi daripada pembekal luar
- viii. perundingan dan penyertaan pekerja
- ix. risiko dan peluang
- d. Kecukupan sumber untuk mengekalkan sistem pengurusan bersepadu yang berkesan
- e. Komunikasi yang relevan dengan pihak yang berminat
- f. Peluang untuk penambahbaikan

9.3.3 Output Kajian Semula Pengurusan

Output kajian semula pengurusan hendaklah termasuk keputusan yang berkaitan dengan:

- a. kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan bersepadu yang berterusan dalam mencapai hasil yang diharapkan
- b. peluang peningkatan berterusan
- c. sebarang keperluan untuk perubahan sistem pengurusan OH & S
- d sumber yang diperlukan
- e. tindakan, jika diperlukan
- f. peluang untuk meningkatkan integrasi sistem pengurusan bersepadu dengan proses perniagaan lain;
- g. sebarang implikasi terhadap arah strategik ABPM



Pengurusan atasan hendaklah menyampaikan hasil kajian semula pengurusan yang relevan kepada pekerja, dan, di mana mereka wujud, wakil pekerja.

ABPM akan mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti hasil kajian semula pengurusan.

BAHAGIAN 10 –PENAMBAHBAIKAN

10.1 Am

APBM menentukan dan memilih peluang untuk penambahbaikan dan melaksanakan proses atau kaedah yang diperlukan untuk memenuhi dan

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

meningkatkan keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan.
Ini merangkumi;

- a. Meningkatkan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan serta menangani keperluan dan jangkaan masa depan.
- b. membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini;
- c. Meningkatkan prestasi dan keberkesanan prestasi Sistem Pengurusan Kualiti. Bersepadu.

10.2 Insiden, Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan



10.2.1 Tindakan Pembetulan

ABPM akan menetapkan, melaksanakan dan memelihara proses, termasuk pelaporan, menyiasat dan mengambil tindakan, untuk menentukan dan mengurus kejadian dan ketidakpatuhan.

Apabila kejadian atau ketidakpatuhan berlaku, ABPM akan:

- a) bertindak balas tepat pada masanya terhadap kejadian atau ketidakpatuhan dan, jika berkenaan:
 - 1) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya;
 - 2) menangani akibatnya;
- b) menilai, dengan penyertaan pekerja dan penglibatan pihak lain yang berkepentingan, perlunya tindakan pembetulan untuk menghapuskan punca kejadian atau ketidakpatuhan, agar ia tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan:
 - 1) menyiasat kejadian itu atau mengkaji ketidakpatuhan;
 - 2) menentukan punca kejadian atau ketidaksesuaian;
 - 3) menentukan sama ada kejadian serupa telah berlaku, jika terdapat ketidakpatuhan, atau jika ia berpotensi berlaku;
- c) mengkaji penilaian risiko dan risiko lain yang ada, jika bersesuaian
- d) menentukan dan melaksanakan tindakan yang diperlukan, termasuk tindakan pembetulan, bersesuaian dengan hierarki kawalan dan pengurusan perubahan
- e) mengemas kini risiko dan peluang yang ditentukan semasa merancang, jika perlu
- f) menilai risiko OH&S yang berkaitan dengan bahaya baru atau berubah, sebelum mengambil tindakan;
- g) mengkaji keberkesanan tindakan yang diambil, termasuk tindakan pembetulan
- h) membuat perubahan pada sistem pengurusan bersepadu, jika perlu.

Tindakan pembetulan harus sesuai dengan kesan atau kesan yang berpotensi dari kejadian atau ketidakpatuhan yang dihadapi.

	AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	Tarikh : 15.03.2022	
	MANUAL SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU	No Indeks : SPB : 01	

ABPM harus menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti:

- sifat kejadian atau ketidakpatuhan dan tindakan seterusnya yang diambil;
- hasil tindakan dan tindakan pembetulan, termasuk keberkesanannya.

ABPM hendaklah menyampaikan maklumat yang didokumentasikan ini kepada pekerja yang berkaitan, dan, di mana mereka ada, wakil pekerja, dan pihak lain yang berkepentingan.

DOKUMEN BERKAITAN:	ABPM/PS/13	- Tindakan Pembetulan, dan Penambahbaikan
--------------------	------------	---

10.3 Penambahbaikan Yang Berterusan

ABPM akan terus meningkatkan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan bersepadu, dengan:

- a) meningkatkan prestasi kualiti dan OH&S
- b) mempromosikan budaya yang menyokong sistem pengurusan bersepadu
- c) menggalakkan penyertaan pekerja di dalam pelaksanaan tindakan untuk peningkatan berterusan sistem pengurusan bersepadu
- d) menyampaikan hasil penambahbaikan yang berterusan kepada pekerja, dan, jika ada, wakil pekerja
- e) mengekalkan dan menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti peningkatan berterusan.